



KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI



# JEMALA PEMIKIR

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UiTM)



SAMBUTAN BULAN KEMERDEKAAN DAN KIBAR JALUR GEMILANG 2022  
KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI (KPT)

1 Ogos 2022 - 16 September 2022  
Jabatan Pendidikan Tinggi, KPT, Putrajaya



DEDICATED TO  
THE HEROIC FIGHTERS  
IN THE CAUSE OF  
PEACE AND FREEDOM  
MAY THE BLESSING OF  
ALLAH BE UPON THEM



بمباركتهم  
في يوم التحرير  
مناجاة  
مواضعهم  
مباركة  
الله  
عليهم  
السلام

# RINTISAN KONSEP

## Komposisi Elemen

- Fokus elemen dan prinsip seni yang dipamerkan telah diperhalusi dari segi dimensi dan simbolik penyampaian Jemala Pemikir.
- Menurut Kamus Dewan Bahasa, 'jemala' bermaksud kepala. Di bahagian ini terletak organ utama, otak - pusat fungsi pemikiran manusia.
- Komposisi bahan-bahan pameran mengambilkira konsep guna semula bahan sedia ada yang diulang pakai dengan menterjemah sulaman idea mengguna pakai botol air mineral dan surat khabar lama.
- Tintasnya, kemerdekaan negara bergantung kepada kerasionalan masyarakat dalam setiap tindak-tanduk kerana kita semua adalah pemikir.



# SUSUN ATUR ELEMEN PAMERAN

(DARI SUDUT HADAPAN)







# TANJAK

Tanjak adalah simbolik sebagai pemikir.



Terletaknya tanjak di atas kepala penuh dengan nilai estetik dan kandungan nilai falsafahnya yang tersendiri.

Tanjak juga merupakan lambang utama institusi diraja Malaysia iaitu Sistem Raja Berperlembagaan.

Penggunaan pelbagai imej kebesaran seperti perhiasan kepala dalam kebanyakan etnik adalah lebih sekadar dari estetik pakaian kebesaran yang hanya terletak di kepala jemala mereka.

# PERHIASAN KEPALA PELBAGAI KAUM

- ▶ Perhiasan kepala adalah pelengkap setiap pakaian kebesaran bagi satu-satu etnik di Malaysia dan sering digunakan dalam upacara kebesaran seperti perkahwinan, persembahan kebudayaan malah digunakan juga sebagai pakaian basahan.
- ▶ Kedudukan perhiasan ini di atas jemala juga merupakan simbol identiti setiap etnik di negara ini.
- ▶ Bagi melengkapi simbol perpaduan dan kemerdekaan rakyat Malaysia, imej perhiasan kepala ini digandingkan pada penutup botol air mineral yang juga menjadi elemen utama pameran ini.





## POP-UP STANDEE

Antara tarikan utama pameran ini adalah barisan *pop-up standee* ikon negara yang merangkumi:

**Bangunan Sultan Abdul Samad**

**Tuanku Abdul Rahman**

**Bangunan KL Tower**

**Tugu Negara**

**Bunga Raya**

**Logo Hari Kebangsaan**

**Bangunan Menara PNB 118**

**Stadium Merdeka**





# IMEJ-IMEJ IKONIK NEGARA




- ▶ Imej-imej yang menjadi mercu tanda negara teguh berdiri di atas nama kemerdekaan dan kebebasan dari cengkaman kemelut generasi terdahulu.
- ▶ Antara ikon negara yang mengimbau nostalgia 65 tahun sambutan perisytiharan kemerdekaan negara merangkumi imej siluet Tunku Abdul Rahman, Bangunan Sultan Abdul Samad dan Stadium Merdeka.
- ▶ 14 Jalur Gemilang mewakili 14 negeri dalam Persekutuan Malaysia. Kedudukan bendera yang mengapit ruangan pameran melambangkan penyatuan 14 negeri dalam mendukung kemerdekaan dan kemajuan negara.

# IMEJ BUNGA RAYA



- Pada tanggal 1960, Perdana Menteri Malaysia Pertama, Tunku Abdul Rahman Putra Alhaj telah mengisytiharkan bunga raya sebagai bunga kebangsaan Malaysia.
- *Hibiscus rosa-sinensis* merupakan spesies bunga raya yang banyak ditemui di serata pelusuk negara dan dipilih kerana simbolik kelopaknyanya yang melambangkan lima (5) Rukun Negara.
- Imej bunga raya ini menjadi sebahagian daripada pilihan utama elemen pameran JEMALA PEMIKIR ini kerana peri pentingnya Rukun Negara yang perlu difahami dan diamalkan oleh setiap rakyat Malaysia demi menjaga dan mempertahankan kemerdekaan negara.





## POSTER-ON-EASEL



### 01

Sejarah pembentukan RIDA sehingga terbentuknya UiTM telah diterjemahkan dalam bentuk tujuh (7) poster utama.

---

### 02

Perkembangan UiTM sebagai sebuah institusi juga adalah seiring dengan kemerdekaan negara.

---

### 03

Sejak pasca-Merdeka, signifikan pembinaan institusi ini kekal bagi menyemarakkan lagi impak pendidikan di Malaysia menerusi transformasi sebuah maktab kepada sebuah universiti.

---



# SURAT KHABAR

Merupakan salah satu bahan bacaan yang terkenal sehingga kini, surat khabar digunakan sebagai medium penyampaian berita dan maklumat sejak sekian lama.

Budaya membaca yang dipupuk dalam kalangan keluarga Malaysia juga mampu melahirkan insan dengan kemahiran berfikir secara rasional dan kreatif.

Meskipun dipandang jumud dengan peredaran teknologi, penggunaan surat khabar sebagai bahan konservatif masih kekal relevan pada hari ini.





## BOTOL AIR BERWARNA

- Botol air berisi campuran cecair berwarna merah, biru, kuning dan putih adalah sebagai tanda masyarakat majmuk dengan perhiasan kepala kebesaran dari pelbagai etnik di Malaysia.



- Kedudukan botol-botol ini juga disusun di bahagian paling bawah seolah-olah mengepung elemen pameran yang lain ibarat rakyat Malaysia yang sentiasa mengutamakan perpaduan dan bersama mempertahankan kemerdekaan negara.

## KOD QR

Mengikuti perkembangan teknologi dalam menyebarkan maklumat, penggunaan kod QR ini selari dengan trend terkini sebagai tanda sokongan kepada konsep tanpa kertas (*paperless*) dan inisiatif teknologi hijau (*green technology initiative*).





# TITIPAN

- **Penaung:** YBhg. Profesor Datuk Ts. Dr. Hajah Roziah Mohd Janor
- **Pengerusi:** YBhg. Prof. Madya Datin Dr. Norazida Mohamed
- **Ketua Projek:** Ts. Dr. Hayati Abd Rahman
- **Setiausaha:** Puan Siti Haslinda Abdul Halim

## Ahli Jawatankuasa:

- **Pereka dan Konsep Pameran**  
Encik Nur Afifi Mohamed Taib  
Encik Md Faizul Khalid @ Abd Malek  
Ts. Hafshizan Hashim
- **Reka Bentuk Bahan Pameran dan Dokumentasi**  
Encik Mohd Khairulnizam Yaakub  
Encik Rosdi Abd Hamid
- **Peralatan Pameran**  
Puan Roszainatul Haizan Rusili
- **Logistik**  
Encik Saat Mat Soom
- **Dokumentasi**  
Encik Nur Afifi Mohamed Taib  
Cik Syaza Marina
- **Fotografi**  
Puan Shahida Nordin
- **Makanan**  
Puan Fazlina Abd Rasid
- **Tugas Am**  
Encik Muhammad Izzul Islam Abdul Razak  
Encik Hanizzam Shah Paiman  
Puan Nor Isma Saleha Muda  
Cik Anis Atiqah Azali@Sazali  
Cik Ain Batrisyia Ahmad Rashdi  
Encik Arif Hakimi Mat Yusuf  
Encik Muhammad Muizuddin Mohd Murad  
Cik Aliah Batrisyia Anuar  
Cik Farah Liyana Nazaruddin  
Cik Nurhasmizah Md Jombri  
Cik Nurul Hannah Insyirah Ahdzahar